

PM bentang peruntukan \$ 104 ribu juta

# RM6 KE ARAH NEGARA MAJU

11 JUL 1991

**K**UALA LUMPUR 10 Julai — Rancangan Malaysia Keenam (RM6) dengan peruntukan \$104 ribu juta dibentangkan hari ini dengan memberi tumpuan lebih besar kepada penyediaan infrastruktur ke arah menjadikan Malaysia sebuah negara maju pada tahun 2020.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad yang membentangkannya di Dewan Rakyat memberi jaminan kerajaan akan terus menguruskan masa depan negara bagi membentuk sebuah negara yang makmur dan bersatu padu.

"Negara dijangka mampu mengulangi kejayaan cemerlang ini (RM5) memandangkan kadar tabungan dalam negeri yang tinggi, pertumbuhan eksport yang pesat serta produktiviti dan daya saing yang meningkat," tegasnya.

RM6 menitikberatkan usaha-usaha meninggikan produktiviti dalam sektor pertanian, meluaskan asas perindustrian dan memperdalamkan struktur pengeluaran dengan mengukuhkan lagi rantaian antara sektor dan meingkatkan pembangunan sains dan teknologi.

Tumpuan khas juga diberikan kepada usaha-usaha menolong golongan termiskm supaya jumlah mereka yang kini empat peratus turun kepada dua peratus

**"Negara mampu mengulangi kejayaan cemerlang kerana kadar tabungan dalam negeri yang tinggi"**

menjelang tahun 1995.

Perdana Menteri menegaskan, semua rancangan yang telah diatur akan dilaksanakan dengan melindungi alam sekitar dan ekologi supaya sumber dan pembangunan ekonomi negara dapat dipelihara dalam jangka panjang.

## Sektor awam

Peruntukan pembangunan sektor awam yang disediakan di bawah rancangan lima tahun untuk tempoh 1991 hingga 1995 itu ialah 60 peratus lebih tinggi daripada peruntukan sebanyak \$61.85 ribu juta dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima.

Tambahan perbelanjaan yang paling besar akan diberikan kepada sektor pengangkutan, perhubungan, tenaga, pendidikan dan kesihatan.

Di samping itu, bagi usaha membasmi kemiskinan sebanyak \$600 juta akan disediakan bagi program tertentu khusus untuk golongan termiskn selain dari peruntukan biasa.

Sebanyak \$600 juta juga disediakan khusus untuk usaha membantu bumiputera memajukan aktiviti perdagangan dan perniagaan mereka.

Perdana Menteri menjelaskan teras utama Rancangan Malaysia Keenam adalah untuk mengekalkan pertumbuhan dan mengendalikannya dengan jaya supaya dapat mencapai pembangunan ekonomi yang lebih seimbang selaras dengan matlamat Dasar Pembangunan Nasional.

Katanya, ini akan membolehkan semua rakyat Malaysia menyertai aktiviti utama ekonomi dan dapat menyumbang ke arah merapatkan jurang perbezaan sosio ekonomi di antara kaum dan memperkukuhkan lagi perpaduan negara.

Beliau juga menegaskan bahawa kejayaan-kejayaan yang dicapai di bawah Rancangan Malaysia Kelima sudah cukup untuk menolak dakwaan sesetengah pengkritik yang mengatakan objektif penyusunan semula Dasar Ekonomi Baru akan menjejaskan keyakinan terhadap iklim perniagaan dan pencapaian ekonomi negara.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, memandangkan prospek ekonomi yang cerah, Keluaran Negara Kasar (KNK) mengikut nilai semasa dijangka berjumlah \$205 ribu juta menjelang tahun 1995, iaitu hampir dua kali ganda dari paras sekarang dan pendapatan perkapita pula dijangka mencapai \$10,200.

Beliau menambah program dan peruntukan sektor awam yang lebih besar dalam Rancangan Malaysia Keenam akan membolehkan pelaksanaan projek-

**LIHAT MUKA 2**

# ILM 11 JUL 1994 RUM KE ARAH NEGARA MAJU

projek bagi menyokong perkembangan ekonomi serta memenuhi objektif-objektif pengagihan Dasar Pembangunan Nasional.

Katanya, tambahan perbelanjaan yang paling besar untuk sektor pengangkutan, perhubungan tenaga, pendidikan dan kesihatan akan **menguatkan** keupayaan ekonomi untuk berkembang serta membolehkan sektor awam memperbaiki tahap perkhidmatan yang disediakan untuk rakyat.

Beliau menegaskan semua negeri akan **mendapat** faedah daripada pertambahan peruntukan yang disediakan dalam Rancangan Malaysia **Keenam**.

"Negeri-negeri yang kurang maju diberi **peruntukan** yang lebih **bagi** pembangunan sosial dan fizikalnya demi meningkatkan pembangunan **negeri** tersebut dan menjadikannya lebih menarik untuk pelaburan sektor swasta," katanya.

Dalam penmtukan sektor pengangkutan dan perhubungan yang berjumlah \$10.8 ribu **juta**, **ketutamaan** akan diberikan untuk memperbaiki sistem pengangkutan dalam bandar **bagi** mengatasi kesesakan **lalulintas**.

Sebanyak \$765 **juta** akan dibelanjakan untuk bekalan **elektrik** luar bandar dan **pada** penghujung tempoh rancangan **ini**, program elektrik luar bandar akan meliputi 100 peratus kawasan **Semenanjung** Malaysia, 73 peratus **di** Sabah dan 77 peratus di Sarawak.

**Pendidikan** dan latihan mendapat penmtukan \$8.5 ribu **juta** iaitu kira-kira 46 peratus melebihi Rancangan Malaysia Kelima.

Bidang kesihatan yang mendapat peruntukan \$2.25 ribu **juta** — 140 peratus lebih daripada Rancangan Malaysia **Kelima**.

Pembangunan pertanian **dan** luar bandar **juga** mendapat penmtukan besar sebanyak \$9 ribu **juta** dan teras program sektor **ini** ialah **meningkatkan** pengeluaran di **samping** menggiatkan semula sektor pertanian **melalui** permodenan dan **perkembangan berasaskan** komersial di sektor pekebun-pekebun **kecil**.

**Perdana** Menteri berkata, di **bawah** Rancangan Malaysia **Keenam**, kerajaan akan **terus** **mengurangkan** bebanan dan **peranan** sektor awam **melalui** penswastaaan projek yang **diuruskan** lebih baik oleh sektor swasta.

Menurutnya, perkembangan sektor **pembuatan** akan menjadi teras utama kepada pertumbuhan dan perubahan **struktur** ekonomi dalam **rancangan ini**.

Katanya, **strategi-strategi** untuk berbagai **sektor** akan ditumpukan ke arah mempelbagaikan aktiviti setiap sektor kepada aktiviti lebih **produktif** dan **menghasilkan** nilai tambah yang lebih **tinggi**.

"Untuk meningkatkan produktiviti, **kita** **perlu** lah meninggikan teknologi, kemahiran, **keusahawanan** dan **kualiti** pekerja dan pengurusan.

"Oleh itu penekanan yang lebih akan **diberikan** ke arah **penggunaan** sains **dan** teknologi dan meluaskan kegiatan penyelidikan dan **pembangunan** tenaga **manusia**," katanya.